




Jabatan Bantuan Guaman

KHIDMAT PENDAMPING GUAMAN



www.jbg.gov.my

[jabatanbantuanguaman](#)

Dokumen/maklumat yang diperlukan

- 1 Kad Pengenalan Penjaga
- 2 Sijil Kelahiran kanak-kanak
- 3 Nama dan alamat penjaga
- 4 Maklumat pekerjaan penjaga
- 5 Penyata gaji
- 6 Perakuan daripada majikan
- 7 Laporan polis
- 8 Apa-apa dokumen berkaitan

IBU PEJABAT:
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1,
BANGUNAN HAL EHWAH UNDANG-UNDANG,
PRESINT 3,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJANAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA

NO. TELEFON:
03-88851827 (Sivil) | 03-88851826 (Syariah)
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/1830/1831
PORTAL: www.jbg.gov.my

CATATAN:
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK
PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT
UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

7 Bilakah permohonan khidmat pendamping guaman boleh dibuat?

Permohonan boleh dibuat pada bila-bila masa selepas laporan polis dibuat.

8 Bagaimana untuk memohon khidmat pendamping guaman

Permohonan khidmat pendamping guaman mesti dibuat dengan mengisi borang yang disediakan dan membekalkan beberapa maklumat penting kepada JBG.

9 Peranan dan fungsi pendamping guaman

- (a) Untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perkara undang-undang.
- (b) Untuk mendapatkan maklumat berkaitan yang berhubungan pertuduhan terhadap mana-mana orang tertuduh dalam mana-mana prosiding jenayah yang orang yang dibantu merupakan mangsa.
- (c) Untuk mendampingi orang yang dibantu dalam mana-mana prosiding di mahkamah, dan dengan kebenaran mahkamah, untuk bercakap bagi pihak orang yang dibantu, jika perlu.
- (d) Untuk menasihati penjaga, atau pelindung orang yang dibantu yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan apa-apa tindakan sivil yang boleh dibawa atau dimulakan oleh orang yang dibantu, jika ada.

1

Apakah khidmat pendamping guaman?

Khidmat pendamping guaman adalah khidmat yang diberikan kepada seorang kanak-kanak yang menjadi mangsa mana-mana kesalahan jenayah seksual.



2

Siapakah yang layak mendapat khidmat pendamping guaman?

Kanak-kanak yang menjadi mangsa kesalahan jenayah seksual dan berumur di bawah 18 tahun. Pemohon mestilah masih seorang kanak-kanak pada masa prosiding dimulakan di mahkamah. Kanak-kanak mangsa kesalahan jenayah seksual tersebut mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia.

3

Siapakah yang boleh membuat permohonan khidmat pendamping guaman bagi pihak kanak-kanak?

Permohonan bagi pihak kanak-kanak boleh dibuat oleh:

- (a) Ibu bapa atau penjaganya;
- (b) Mana-mana orang yang difikirkan oleh Ketua Pengarah boleh dilantik menjadi wakil atau penjaga *ad litem* kanak-kanak itu; atau
- (c) Pelindung kepada kanak-kanak seperti yang dinyatakan dalam Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]



4

Apakah itu kesalahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak?

Kesalahan jenayah seksual bermaksud apa-apa perlakuan:

- (a) Persetubuhan atau perbuatan yang memberaikan termasuk kontak fizikal yang melibatkan alat kelamin, dubur dengan alat kelamin atau mulut dengan dubur, antara orang yang mempunyai jantina yang sama atau berlainan;
- (b) Perbuatan kebinatangan;
- (c) Onani;
- (d) Penganiayaan sadis atau masokis dalam konteks seksual;
- (e) Menunjukkan bagi maksud seksual alat kelamin, punggung, payudara, bahagian pubik atau dubur;
- (f) Penggunaan apa-apa objek atau peralatan bagi perbuatan yang memberaikan;
- (g) Membuat, menghasilkan, mengarahkan pembuatan atau menghasilkan pornografi kanak-kanak;
- (h) Berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak; atau
- (i) Lain-lain kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang diperuntukkan dalam mana-mana undang-undang bertulis.

5

Siapakah yang layak dilantik sebagai pendamping guaman?

Pendamping guaman terdiri daripada:

- (a) Pegawai undang-undang dari skim perkhidmatan kehakiman dan perundangan yang ditempatkan di JBG; atau
- (b) Panel peguam yang dilantik oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman.

6

Adakah permohonan bagi khidmat pendamping guaman mesti melalui ujian kemampuan seperti khidmat guaman yang lain?

Sumber kewangan hanya diambil kira bagi menentukan jumlah sumbangan yang perlu dibayar oleh pemohon bagi perkhidmatan pendamping guaman yang diberikan, jika permohonan diluluskan. Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menolak daripada meluluskan khidmat pendamping guaman kepada pemohon jika Ketua Pengarah mendapati adalah tidak munasabah atau tidak sepatutnya khidmat pendamping guaman diberikan kepada pemohon dalam hal keadaan sesuatu kes.